

Sentuhan Rashdan Baba dalam pertanian, ilmiah

» Tokoh Akademik Negara tak lokek ilmu demi negara

Sama ada dalam bidang pendidikan atau korporat, sentuhannya sentiasa menjadi. Walaupun bidang pengajiannya adalah dalam pertanian, bersandarkan pengalaman luas dalam pentadbiran dengan menerajui dua universiti dan korporat ternama seperti Telekom Malaysia Bhd (TM) dan Kumpulan Guthrie, beliau menjadi antara personaliti cukup dikagumi. Baru-baru ini, sebagai mengiktiraf sumbangannya, beliau dianugerahkan Tokoh Akademik Negara. Wartawan BH, Azran Jaffar, menemui Profesor Emeritus Tan Sri Dr Mohamed Rashdan Baba bagi mendengar pandangannya terhadap bidang pertanian yang menjadi minatnya dan telekomunikasi yang mana beliau pernah terbabit secara langsung, selain bidang pendidikan yang seakan sudah sebatii dengan jiwanya.

Wartawan: Sudah lebih setengah abad Malaysia merdeka dan terlalu banyak perubahan berlaku di negara ini terutama dalam bidang pertanian dan telekomunikasi. Bagaimana Tan Sri melihat perkara ini?

J: Banyak kemajuan sebenarnya yang sudah kita capai. Dalam bidang telekomunikasi misalnya, disebabkan persaingan, mereka yang terbabit dalam bidang ini berusaha menjadi lebih maju daripada yang lain. Ini menguntungkan pengguna. Dalam usaha menjadi yang terbaik. Sektor swasta yang terbabit dalam bidang ini perlu menanam modal dan memperhebatkan teknologi.

Disebabkan itu, negara mendapat kelebihan daripada segi teknologi dan apa yang ada adalah yang terkini. Dalam dunia tanpa sempadan pada masa ini pula, melalui teknologi yang ada, ia menguntungkan sektor perniagaan kerana urusan niaga antara negara dapat dilaksanakan dengan

pada mereka yang mengusahakannya. Untuk kita menjadi maju dalam bidang pertanian, mereka yang terbabit perlu memikirkan inovasi seperti nilai tambah terhadap produk dihasilkan. Nilai pemasaran yang baik akan meningkatkan permintaan dan penggunaannya akan bertambah.

Bagi yang terbabit dalam bidang ini, apa yang perlu adalah bertindak secara kreatif dengan memahami apa yang pengguna mahu selain memberikan nilai komersial kepada apa yang dihasilkan. Kerajaan pula perlu menyediakan ruang pemasaran yang banyak untuk golongan petani supaya apa yang dihasilkan dapat memenuhi permintaan. Bila pengguna ada akses kepada produk ini ia akan meningkatkan pengeluaran. Ini perlunya sebuah institusi pemasaran yang berkesan.

Dalam hal ini kita melihat, petani akan mendapat harga yang baik kesan dari pengeluaran yang

port bahan makanan untuk keperluan rakyat negara ini?

J: Jika hendak dibandingkan dengan Thailand, kita melihat sokongan kuat kerajaan mereka terhadap bidang ini dan inovasi mereka. Apa yang lebih menarik adalah bidang pertanian mereka didukung oleh nama-nama besar termasuk orang ternama dan golongan diraja. Mereka terbabit secara langsung dalam bidang pertanian. Ini seakan galakan kepada rakyatnya untuk terbabit dengan lebih aktif.

Perkara sebegini juga seharusnya diterapkan di negara ini selain menyediakan dana khas. Namun apa yang saya lihat, satu cara membantu meningkatkan bidang pertanian di negara kita adalah memberikan penghargaan kepada petani dengan menyediakan hadiah dan anugerah. Ini memberikan semangat kepada petani untuk cemerlang.

S: Bagaimana pula Tan Sri melihat institusi pengajian tinggi tempatan dan agensi kerajaan yang terbabit dalam pertanian dan perladangan komoditi. Adakah mereka memainkan

kan industri ini mempunyai sumber yang cukup untuk menjalankan penyelidikan. Pengeluaran berkaitan dengan penyelidikan dan pemasaran, dan pada masa sama membuka ruang untuk persaingan. Selain itu kita juga perlu memastikan bahan yang ingin dipasarkan itu sesuai. Ini memerlukan inovasi.

Jika kita melihat kepada sawit misalnya, ia menghadapi saingan daripada kacang soya terutama melalui kempen yang dilaksanakan. Justeru kita perlu mempunyai kaedah bagi menghalang kempen ini sekali gus meningkat-

da sektor pertanian. Begitu juga dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), kenapa ia berada di Serdang, supaya kerjasama dalam bidang pertanian dapat dilakukan dengan UPM. Mereka boleh bekerjasama dari segi penyelidikan. Begitu juga dengan institusi penyelidikan dalam bidang pertanian yang berada di sekitar kawasan itu.

S: Tan Sri juga pernah menerajui TM. Bagaimana pula Tan Sri melihat perubahan dalam bidang telekomunikasi di ne-



**AZRAN
JAFFAR**

azran@bh.com.my

mudah dan kita mampu menjadi negara yang kompetitif. Pelaburan modal yang dilaksanakan sektor swasta juga membuatkan negara mempunyai infrastruktur telekomunikasi setanding negara maju.

Dalam sektor pertanian pula, tenaga buruh menjadi satu perkara yang dilihat sebagai menghalang kita untuk berkembang. Oleh itu kita perlu tumpukan kepada inovasi dan usaha pertanian yang tidak memerlukan banyak buruh. Justeru, lebih banyak inovasi penyelidikan perlu dijalankan terhadap mekanisasi bidang pertanian.

S: Bagaimana kita dapat menjadi sebuah negara yang berjaya dalam bidang pertanian?

J: Kerajaan sudah menyediakan banyak infrastruktur dalam sektor pertanian kerana melalui hasil pertanian akan mendapat pasaran yang baik. Pada masa sama, pasaran yang kompetitif juga perlu. Sektor pertanian tidak akan membangun dengan pesat jika ia tidak memberi pulangan yang baik ke-

baik.

S: Pada pandangan Tan Sri, di mana Malaysia dalam bidang pertanian kerana jika dibandingkan dengan Thailand misalnya kita agak ketinggalan dan kita juga masih mengim-

peranan berkesan?

J: Universiti Putra Malaysia (UPM) misalnya yang sebelum ini dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, banyak membuka peluang dalam menjadikan pertanian bidang menguntungkan. Kewujudan institusi ini juga membolehkan

peranan pengeluaran. Di sinilah peranan institusi dan agensi kerajaan ini dan menjadikan perkara ini sebagai cabaran supaya kita dapat mempertingkatkan apa yang kita ada. Selain itu sawit yang menjadi antara komoditi pertanian utama perlu tumpukan kepada inovasi bidang biodiesel dalam usaha mempelbagaikan penggunaan kelapa sawit.

Bercakap mengenai UPM yang kini sudah bertukar nama, sebenarnya kita tidak perlu mempunyai sebuah institusi khusus dalam bidang pertanian. Apa yang jadi kepada UPM ialah ia bertukar nama, namun kita masih boleh terus menjadikan ia juara dalam bidang pertanian. Apa yang diperlukan adalah menstrukturkannya menjadi universiti yang terasnya pertanian manakala fakulti yang ada sebagai sokongan kepada bidang ini.

Fakulti Kejuruteraan misalnya, tumpukan kepada kejuruteraan pertanian. Disiplin yang ada di universiti itu perlu dibentuk bagi bertindak sebagai sokongan kepa-

gara ini.

J: Sememangnya bidang ini berkembang dengan sangat cepat dan kadang-kadang terlalu cepat menyebabkan kita ketinggalan dan sentiasa ada teknologi baharu. Penubuhan beberapa syarikat dalam bidang ini di negara ini menjadikan ia sebagai pesaing kepada TM. Persaingan ini cukup hebat. Teknologi tanpa wayar pula menghasilkan banyak produk berkaitan, daripada telefon bimbit, sekarang kita sudah ada telefon pintar termasuklah gajet berkaitan dan aplikasi yang semuanya memperlihatkan bidang ini berkembang dengan cukup cepat.

Disebabkan itu, sewaktu di TM saya menubuhkan Universiti Telekom (yang pada masa ini dikenali sebagai Universiti Multimedia) bagi memenuhi tenaga kerja dalam bidang ini. Saya gembira dengan inisiatif itu dan ia menjadi universiti ketiga (selepas Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia) yang mana saya terbabit secara langsung. Ia ber-



Mohamed Rashdan bersama anaknya, Dr Rayslida **ketika ditemui di kediaman mereka, kelmarin.**

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]



pakar untuk membangunkan MSC. Ia perlu memenuhi standard ini. Universiti Telekom akan memberi nilai kepada bidang ini dengan tumpuan kepada teknologi.

Bagi saya pembangunan teknologi akan membangunkan sektor perniagaan yang mana kita akan mempunyai akses kepada pelbagai bidang dan kerana saya itu membuat keputusan terhadap bidang pendidikan ini. Pada masa sama saya melihat ia akan membuka peluang kepada anak Melayu terutama dari luar bandar untuk mendapat pendidikan tinggi yang kemudiannya akan dapat meningkatkan taraf hidup keluarga.

Begitu jugalah apabila saya diberi mandat menerajui UPM, saya mahu ia menjadi ruang kepada anak Melayu meningkatkan taraf hidup mereka.

S: Harapan Tan Sri terhadap bidang pendidikan di negara ini. Apa yang Tan Sri ingin lihat dan apa yang Tan Sri ingin Malaysia capai dalam bidang pendidikan?

J: Apa yang saya mahukan ialah bidang pendidikan di negara ini menghasilkan manusia yang benar-benar berpendidikan. Ia bukan sekadar kemahiran dalam bidang tertentu tetapi mereka yang boleh berfikir secara rasional, analitis dan kreatif. Justeru universiti perlu menghasilkan graduan sebegini dan ia perlu bermula sejak dari peringkat sekolah rendah yang kemudiannya di sekolah menengah. Apa pun bidang ia perlu dibentuk ke arah ini. Bagi universiti, kerjasama dengan industri adalah satu keperluan dan lebih banyak lebih baik supaya ia dapat menghasilkan lulusan yang memenuhi kehendak industri.

Pelajar juga seharusnya diberi latihan industri di semua peringkat pengajian dan insentif perlu diberikan kepada industri seperti dalam bentuk cukai kerana membangunkan pelajar. Ini membolehkan pelajar memahami persekitaran pekerjaan untuk menyediakan mereka sebelum memasuki bidang berkenaan. Pada masa sa-

'Terkejut, tak sangka terima penghargaan'

"Terperanjat dan tidak menyangka akan menerima pengiktirafan ini," itulah yang diluahkan Profesor Emeritus Tan Sri Dr Mohamed Rashdan Baba mengenai Anugerah Tokoh Akademik Negara yang diterimanya daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini.

Daripada senyuman yang keluar bersama kata-kata itu, kepuasan jelas terpancar pada raut wajahnya yang kini berusia 79 tahun. Manakan tidak, usahanya membangunkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) (yang kini dikenali Universiti Putra Malaysia) dengan kedua-duanya beliau bertindak sebagai Naib Canselor pertama, seolah-olah berbaloi apabila diberikan pengiktirafan negara yang cukup besar.

Beliau juga terbabit membangunkan Universiti Telekom yang kini dikenali Universiti Multimedia. Namun cerita di sebalik penubuhan universiti berkenaan mungkin tidak ramai yang tahu. Ia mungkin tidak menjuraikan air mata tetapi ranjau yang ditempuh pada awal pembangunannya masih tersimpan rapi dalam lipatan ingatannya.

Walaupun pada pertemuan yang diadakan di rumahnya, kelmarin sekali-sekala timbul nada kecewa dengan apa yang berlaku, hujan lebat yang mengiringi permulaan perbualan kami petang itu yang ditemani anak tunggalnya, Datin Dr Rayslida Mohamed Rashdan, bagaikan mengerti apa yang dirasai jiwanya dan mendukung itu kemudiannya bertukar cerah, seriang cerita-cerita gembira yang muncul kemudian.

Isteri pendorong terbesar

Apa pun, kata Mohamed Rashdan, cerita-cerita gembira itu tidak akan diperolehnya tanpa soko-

menjadi peneman Mohamed Rashdan.

Menyambung cerita, Dr Rayslida berkata: "Pada waktu itu kami sentiasa ditemani ramai orang, bagaimanapun keadaan berubah bila bapa menceburi bidang korporat mungkin kerana persekitaran yang berbeza. Kini bapa sudah bersara sepenuhnya dari dunia korporat dengan syarikat terakhir adalah Unisem (M) Bhd yang mana bapa terbabit selama 16 tahun dan membaca adalah antara aktiviti bapa pada masa ini," katanya.

Tinggi ilmu pengetahuan

Daripada himpunan buku yang disusun rapi di bilik bacaan di mana perbualan antara kami diadakan pada petang itu, nyata bacaan Mohamed Rashdan agak luas selain tidak melupakan perkembangan politik semasa dunia juga perkara yang sangat dekat di hatinya, tumbuh-tumbuhan.

Dengan *A Guide to the Common Plants of Ayer Hitam Forest, Selangor, Peninsular Malaysia* tulisan Faridah-Hanum Shamsul Khamis antara yang berada di rak buku, himpunan Mohamed Rashdan meliputi *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Pago-Pago to Gelombong* terbitan Singapore Art Museum yang memaparkan karya seniman tersohor Latiff Mohidin.

Dalam usia sebegini, Mohd Rashdan juga tidak melupakan teknologi dengan *e-Learning* tulisan Rosenburg turut mengisi rak bukunya juga *Nixon's Darkest Secret* oleh Don Fulson.

Walaupun bidang korporat dan pendidikan menaikkan nama Mohamed Rashdan, namun cerita petani dan orang Melayu sangat dekat di hati anak kelahiran Rembau, Negeri Sembilan itu dan beliau sangat bersemangat apa-

mula selepas kerajaan memantapkan industri pendidikan melalui pembabitan sektor korporat. Saya memohon bagi penubuhan universiti itu.

S: Boleh Tan Sri ceritakan idea penubuhan Universiti Telekom?

J: Sebelum itu Telekom (TM) menubuhkan bahagian latihan bagi melahirkan petugas dalam bidang ini, dan Universiti Telekom akan menggunakan infrastruktur ini untuk universiti berkenaan sebelum kampusnya disiapkan. Idea kepada penubuhannya adalah menyedia-

kan universiti berkenaan dibina di Melaka bagi membangunkan negeri berkenaan. Pada masa sama saya juga memohon tanah kepada kerajaan Selangor dan diberikan satu kawasan di Klang yang mana kerajaan negeri sudah merancang pembangunan infrastruktur di kawasan itu termasuk lebuh raya. Ini kerana universiti nasional perlu mempunyai akses yang sempurna. Bagaimanapun apabila kerajaan membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC), universiti ini kemudian dibangunkan di Cyberjaya bagi menyokong infrastruktur berkenaan.

kan tenaga kerja yang berkelulusan dalam bidang telekomunikasi.

Cadangan saya kampus untuk universiti ini adalah di Labu, Negeri Sembilan memandangkan pada waktu itu belum ada universiti di Negeri Sembilan sedangkan ia mempunyai ramai orang yang terpelajar. Namun saya tidak berjaya memperoleh tanah untuk tujuan itu. Dalam pemikiran saya, bila universiti dibangunkan di situ ia akan memajukan kawasan berkenaan dan pada masa sama memberikan kelebihan kepada penduduknya termasuk dari segi peluang pekerjaan. Tambahan pula sudah ada cadangan membina lapangan terbang di Sepang. Saya melihat ini sebagai peluang untuk memajukan Labu. Apa yang saya ingin wujudkan di Labu adalah bandar universiti seperti apa yang ada di Bangi dan Serdang. Jangkaan saya jika apa yang saya cita-citakan itu menjadi kenyataan, Labu sekarang adalah kawasan yang lebih maju dari Nilai.


Kerajaan kemudian mencadang-

Bagi saya, kita tidak boleh bergantung kepada tenaga asing kerana ini yang berlaku pada waktu itu dan Universiti Telekom akan menumpukan kepada latihan dan penyelidikan serta mengeluarkan

ma universiti juga perlu menjadikan bekas pelajar sebagai pemberi maklumat bagaimana bidang pengajian yang ditawarkan dapat diperbaiki supaya ia memenuhi kehendak industri.

"Beri penghargaan kepada petani dengan menyediakan hadiah dan anugerah. Ini memberikan semangat kepada mereka untuk cemerlang"

Mohamed Rashdan Baba,
Tokoh Akademik Negara



ngan kuat arwah isterinya, Puan Sri Robiyah Abdul Majid dan sangat menghargai peranan dimainkan dalam beliau meniti kejayaan sama ada dalam bidang pendidikan atau dunia korporat.

"Bapa saya seorang yang sangat kuat bekerja dan sewaktu bapa di UKM dan UPM rumah kami tak pernah lekang dengan tetamu, sentiasa ada yang berkunjung sama ada berbincang atau bertukar pendapat bagaimana membangunkan universiti berkenaan.

"Pendek kata, air kopi... habis seteko, seteko lagi. Mak pula walaupun hanya berada di belakang tabir namun sangat menyokong kuat dan saya pula selalu mengintai perbualan bapa. Dari situ saya belajar perkataan-perkataan besar yang mereka gunakan," balas Dr Rayslida, Pakar Bius di Hospital KPJ Ampang Puteri, menceritakan zaman kanak-kanaknya.

Dengan ketiadaan Robiyah yang meninggal dunia kira-kira dua tahun lalu, kini hanya Dr Rayslida dan suami serta tiga anak mereka

bilabercita mengenainya.

Mengaku beliau adalah anak petani dengan sawah dan menjala antara apa yang dilakukan sewaktu kecil kerana mengikut kedua ibu bapanya, kerana itu cerita penubuhan Universiti Telekom menimbulkan satu kesan emosi kepada beliau yang pada waktu itu berharap cadangan menubuhkan universiti berkenaan di Labu dapat membangunkan penduduk kawasan itu yang rata-ratanya adalah petani.

Walaupun bapanya adalah seorang guru berkelulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, namun menjala ikan menjadi kegemaran bapanya dan apa yang diperoleh bapanya menjadi lauk bekalnya ke sekolah, cerita Mohamed Rashdan mengingati zaman remajanya.

Namun apa pun, beliau gembira kerana dapat membangunkan Universiti Telekom yang kini menjadi antara institusi pengajian tinggi swasta terbaik di negara ini.